



SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM


PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7 (a)

Iklan adalah dibukakan kepada Orang Ramai dan Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

**PENYIAR BERITA KANAN (C.3-4 EB.5)
JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**PENYIAR BERITA KANAN
JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI
C.3-4 EB.5 (\$1,990 - \$2,970 EB KHAS \$3,040 - \$3,320 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) *BDTVEC / BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) atau sebanding dalam bidang Ehwal Semasa / Kewartawanan / Komunikasi Massa / Media / Media and Journalism / Pengajian Brunei / Pengajian Media / Public Affairs / Teknologi Maklumat atau bidang bersesuaian.*

ATAU

- b) *BDTVEC / BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) atau sebanding dalam bidang lain dan mempunyai pengalaman bertugas secara tetap atau sambilan dalam media penyiaran tidak kurang dari enam (06) bulan.*

ATAU

- c) *Telah berkhidmat di Jabatan Radio Televisyen Brunei dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji C.2 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau dalam tangga gaji C.1 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.*

ATAU

- d) *Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji C.2 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau dalam tangga gaji C.1 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun.*

SYARAT-SYARAT LAIN

1. Dimestikan lulus dalam ujian kelayakan (*audition*) yang dikendalikan oleh Jabatan Radio Televisyen Brunei;
2. Fasih bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris;
3. Boleh bertutur dan menulis dalam bahasa Mandarin dan bahasa-bahasa lain selain Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris adalah kelebihan;



4. Berkebolehan membuat kertas kerja dengan menggunakan peralatan komputer atau berpengetahuan asas menggunakan perisian *Microsoft Office*;
5. Mempunyai minat dan pengetahuan mengenai hal ehwal kewartawanan / hal ehwal penyuntingan / hal ehwal semasa / hal ehwal media penyiaran;
6. Berpengalaman dan pengetahuan dalam bidang kewartawanan / penyuntingan / hal ehwal semasa / hal ehwal media penyiaran adalah kelebihan;
7. Berkebolehan dalam berkomunikasi dengan orang awam;
8. Mempunyai keyakinan diri yang tinggi, kreatif dan pro-aktif dalam hal ehwal penyiaran berita;
9. Berdaya usaha dan kreativiti yang tinggi bagi memenuhi citarasa penonton / pendengar adalah kelebihan;
10. Berpengetahuan mengenai terasul dan penggunaan bahasa dalam adalah kelebihan;
11. Berkebolehan dalam menulis skrip televisyen / radio / berita dan hal ehwal semasa adalah kelebihan;
12. Pernah mengikuti Program Pembangunan dalam bidang yang berkenaan anjuran Jabatan Radio Televisyen Brunei adalah kelebihan;
13. Mempunyai sifat-sifat kepimpinan yang baik di samping boleh menjadi pembimbing atau mentor kepada pegawai/kakitangan di bawah jagaan;
14. Berkeupayaan membuat keputusan secara bijaksana dengan segera dalam hal ehwal penyiaran berita termasuk dalam suasana tegang;
15. Peka terhadap perkembangan dan hal ehwal dalam negeri, serantau dan antarabangsa; dan
16. Memahami misi dan dasar Jabatan dalam pembangunan negara.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Bertugas selaku Ketua bagi unit / sub-unit yang berkenaan dalam hal ehwal penyiaran, penyampaian dan hal-hal lain yang berkaitan;
2. Menyusun dan menyediakan jadual kerja bulanan atau harian bagi para penyiar dan penyampai yang berkenaan di Bahagian Berita dan Hal Ehwal semasa;



3. Menyelaras persembahan para penyiar dan penyampai;
4. Menyelaras persembahan para penyiar dan penyampai dalam hal yang berkaitan dengan aktualiti;
5. Menyampaikan berita televisyen / radio yang berkenaan;
6. Membuat rakaman suara latar bagi produk-produk berita yang berkenaan; dan
7. Menjalankan dan melaksanakan tugas-tugas yang diarahkan oleh pegawai atasan dari semasa ke semasa.